

PKP MENGISI MASA DENGAN PENULISAN KARYA

PERINTAH Kawalan Pergerakan (PKP) merupakan perintah yang mendatangkan kerisauan sejak diumumkan di seluruh negara sebelum ini. Jika dipandang dari sisi positif, PKP melahirkan kreativiti kepada majoriti rakyat Malaysia.

PELBAGAI pertandingan muncul tatkala kebanyakan aktiviti tidak dapat dilaksanakan di luar rumah. Sebagai contohnya, dalam konteks penulisan, terdapat pertandingan yang lebih berfokus pada penulisan karya kreatif. Antara pertandingan yang dianjurkan termasuklah Pertandingan Menulis Puisi, Pertandingan Mencipta Pantun dan Pertandingan Menulis Cerpen Dakwah. Setiap pertandingan mempunyai tempoh masa yang ditetapkan. Dalam tempoh itu, masyarakat yang berminat dapat mengisi masa kosong di rumah untuk menulis puisi, cerpen atau artikel untuk dihantar kepada pihak penganjur. Sekurang-kurangnya pertandingan menulis seperti ini dapat meningkatkan kreativiti masyarakat sekali gus mengelakkan perasaan bosan duduk di rumah.

Dari sudut kemahiran yang lain pula, terdapat pertandingan seperti Pertandingan Mendeklamasi Sajak, Pertandingan Mendengarkan Syair dan Pertandingan Berbalas Pantun dalam Keluarga. Jika kita tidak mampu mencipta puisi dan karya lain, pertandingan seperti ini sangat sesuai untuk disertai. Misalnya, Pertandingan Mendeklamasi Sajak dapat disertai dengan menggunakan sajak daripada pemuisi yang sudah sedia ada dengan syarat perlulah mendapat keizinan terlebih dahulu daripada penulis. Jika ini dianggap sukar, kita boleh menyertai Pertandingan Berbalas Pantun. Pertandingan seperti ini bukan sahaja memartabatkan bahasa, malah mampu mengeratkan hubungan kekeluargaan.

Bagi rakyat yang kurang arif tentang bahasa, terdapat pertandingan lain yang boleh disertai sama ada secara individu ataupun berkumpulan dengan syarat menjaga jarak satu meter. Contohnya, pertandingan swafoto semasa aktiviti membaca buku, menghasilkan filem pendek dan monolog dalaman yang diadakan oleh pihak penganjur. Masyarakat boleh menyertai tanpa yuran dan bebas menghasilkan karya mengikut syarat yang ditetapkan. Pertandingan ini dapat mengelakkan masyarakat daripada keluar rumah tanpa sebarang urusan. Dari sini

dapat kita perhatikan, PKP membawa ruang dan peluang untuk rakyat Malaysia menyerlahkan bakat dan mengisi masa terluang. Di samping itu, pertandingan seperti ini bertepatan dengan galakan Perdana Menteri untuk kita kekal duduk di rumah semasa PKP.

Selain itu, PKP juga membuka banyak peluang untuk rakyat Malaysia meneruskan pemiagaan secara talian. Walaupun kebiasaan norma sebelum muncul PKP, pemiagaan yang selalu menghiasi mata kita hanya kedai runcit, pasar, kedai baju dan kedai buku, banyak lagi ruang pekerjaan berunsur pemiagaan sendiri yang boleh diusahakan. Apabila rakyat Malaysia berfikir positif terhadap PKP, maka akan berlakulah gelombang pemiagaan dalam talian yang begitu drastik.

Gelombang pemiagaan dalam talian terus bergerak cergas memandangkan pergerakan masyarakat terhad sama ada dari segi masa, bilangan orang dan kawasan tertentu. Keperluan masyarakat boleh didapati tanpa menunggu lama di kedai kerana semua urusan dibuat secara dalam talian. Apabila masyarakat membeli secara dalam talian, inilah peluang kepada segelintir peniaga untuk menambahkan pendapatan.

Walaupun begitu, masyarakat perlu lebih berhati-hati membuat pesanan dengan penjual yang tidak dikenali kerana pada waktu genting ini masih ada orang yang mengambil kesempatan. Membuat iklan, menerima bayaran daripada pembeli dan akhir sekali pembeli tidak menerima item yang dipesan. Sikap seperti ini sudah pasti mencacatkan sistem jual beli dalam talian. Oleh itu, usaha yang tinggi perlu ditingkatkan untuk penjual dalam talian dan sikap berwaspada pula perlu sentiasa diterapkan dalam diri masyarakat pengguna.

PKP turut memberikan peluang untuk mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan. Jika sebelum ini, banyak yang mengadu tiada masa untuk diberi kepada ibu, bapa atau anak-anak, waktu PKP inilah perlu digunakan sebaik mungkin. Selama 24 jam berada di rumah setiap hari sepanjang PKP menjadi

titik-tolak untuk melahirkan sebuah keluarga yang memahami, tolong-menolong dan sayang-menyayangi antara satu sama lain serta saling melengkap dengan kumpulan barisan hadapan.

Selain itu, PKP memberi kita ruang untuk menjaga dan mempraktikkan amalan kebersihan dalam kehidupan seharian. Kebersihan merupakan antara perkara dominan yang dianjurkan dalam ajaran Islam. Disebabkan itu, rakyat Malaysia yang beragama Islam sepatutnya sedar tentang kepentingan mengambil wuduk setiap hari.

Dalam konteks keselamatan, PKP memberikan kesedaran kepada rakyat Malaysia bahawa konsep duduk di rumah memberikan kelebihan jika diamalkan secara berterusan. Secara analoginya, sebelum PKP, setiap hari berita kematian menyapa gegandang telinga kita. Antara penyebab kematian adalah daripada kemalangan jalan raya. Sepanjang PKP, kematian disebabkan kemalangan jalan raya tidak begitu banyak berbanding sebelum PKP. Betapa besar impak duduk di rumah yang dilaksanakan ketika ini. Hanya yang mempunyai keperluan penting sahaja dibenarkan keluar.

Sepanjang PKP, setiap hari kita menunggu laporan pesakit yang dijangkiti penyakit, status pesakit sembuh dan bilangan kematian. Satu kematian disebabkan jangkitan COVID-19 mampu menimbulkan keresahan masyarakat. Justeru, PKP umpama satu cara untuk meningkatkan keselamatan diri sendiri, keluarga dan masyarakat di sekeliling. Jika amalan ini diterapkan dalam kehidupan semasa PKP ini, sememangnya penyakit ini akan berkurangan dan dapat dibasmi dengan lebih baik.

Dalam hal ini, masyarakat perlu memandang positif terhadap PKP kerana impak yang besar bermula dari rumah. PKP melahirkan penulis yang bersaing secara sihat, meningkatkan kreativiti masyarakat, sentiasa memementingkan kebersihan dan mendisiplinkan diri untuk meneruskan kehidupan dengan norma baharu. Fikiran yang positif akan menghasilkan impak positif pada masa hadapan. **PB**